



## EXPLORASI KAJIAN LITERATUR KONSEP USAHAWAN AL-FALAH MENURUT PANDANGAN AHLI SARJANA

### [EXPLORATION OF LITERATURE STUDY OF THE CONCEPT OF AL-FALAH ENTREPRENEUR ACCORDING TO THE VIEW OF SCHOLARS]

MUSA MUHAMAD ALI,<sup>1</sup> MOHD FAUZI ABU @ HUSSIN<sup>1\*</sup> & SITI SALWA MD SAWARI<sup>1</sup>

<sup>1\*</sup> Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial Dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 Skudai, Johor Bahru, Johor, MALAYSIA. E-mail: mohdfauziabu@utm.my

---

*Received: 5 January 2021*

*Accepted: 21 February 2021*

*Published: 8 March 2021*

---

**Abstrak:** Kajian keusahawanan Islam dan kaitannya dengan kejayaan tidak banyak dilakukan oleh para cendekiawan Islam. Di dalam ‘review dan research agenda’ yang mengumpulkan kajian kesan keagamaan dan kerohanian terhadap aktiviti keusahawanan menunjukkan sebahagian besar kajian di pelopori oleh cendekiawan bukan Islam. Maka dengan itu terdapat kelonggan yang jelas dalam bidang ini. Tujuan artikel ini adalah menjelaskan konsep usahawan al- Falah dalam kalangan sarjana. Kajian ini berbentuk kajian literatur yang mana pengkaji menggunakan sumber-sumber sekunder daripada artikel, tesis dan juga wacana-wacana ilmiah bagi menjelaskan konsep-konsep yang mendukung usahawan Muslim Berjaya. Daripada hasil kajian literatur, pengkaji mendapati secara asasnya, usahawan Muslim berjaya dari perspektif muamalah Islam merupakan individu cemerlang bukan sahaja dalam aktiviti keusahawanan tetapi pada masa yang sama taat pada perintah agama. Dalam perspektif Islam, keseimbangan seseorang usahawan memperolehi kejayaan dunia dan pada masa yang sama memenuhi tuntutan agama dan syariat dikenali sebagai usahawan ‘al - Falah’. Dengan erti kata lain, konsep al - Falah adalah suatu pencapaian cemerlang mencakupi keseluruhan aspek kehidupan manusia meliputi kerohanian, kebendaan, moral dan sebagainya untuk mencapai kejayaan di dunia dan akhirat..

**Kata kunci:** Perniagaan, Muamalah, Usahawan Muslim, Al- Falah, Ibadah.

**Abstract:** Through discovery, it was found that there are only a few research discoveries on successful Islamic entrepreneurship. From the past review, it is discovered that religious and spiritual impacts on entrepreneurial activities were pioneered by non-Muslim scholars. Thus, there is a clear gap in this field that required Muslims to further investigate. The purpose of this article is to explain the concept of al-Falah entrepreneurs among Muslim scholars. This study refers to previous literature where researchers use secondary sources from articles, thesis, and also scientific discourses to explain the concepts that support successful Muslim entrepreneurs. From the results of the literature review, the researchers found that successful Muslim entrepreneurs from the Islamic perspective are excellent individuals not only in entrepreneurial activities but at the same time obedient to religious orders. A successful Muslim entrepreneur from the Islamic perspective is known as an excellent individual not only in entrepreneurial activities yet obedience to religious orders. From the Islamic perspective, an entrepreneur that able to balance worldly and religious obligation, sharia is known as the ‘al-Falah’ entrepreneur. In other words, the concept of al - Falah is an excellent achievement covering all aspects of human life including spiritual, material, moral and more to achieve success in this world and the hereafter..

**Keywords:** Business, Muamalah, Muslim Entrepreneur, Al-Falah, Worship.

**Cite This Article:**

Musa Muhamad Ali, Mohd Fauzi Abu @ Hussin & Siti Salwa Md Sawari. (2021). Explorasi kajian literatur konsep usahawan *al-falah* menurut pandangan ahli sarjana [Exploration of literature study of the concept of *al-falah* entrepreneur according to the view of scholars]. *QALAM International Journal of Islamic and Humanities Research*, 1(1), 107-118.

**PENGENALAN**

Mutakhir ini, berlaku peningkatan bilangan usahawan bumiputera Muslim terutama usahawan Melayu menubuhkan perusahaan sendiri serta terlibat dalam pelbagai bidang perniagaan, namun pencapaian yang diperolehi masih jauh dari sasaran (sasaran apa dan siapa?). Penglibatan bumiputera turut dilihat masih kurang dalam pelbagai aspek walaupun pelbagai program pembangunan ekonomi telah dilaksanakan (Belanjawan, 2020). Ini terbukti sehingga hari ini sasaran mencapai pemilikan ekuiti bumiputera 30 peratus masih gagal diperolehi (Muhammed Abdul Khalid, 2014; Madeline Berma, 2015; Muhamad Najit Sukemi et. al, 2018; Dewan Rakyat, 2019). Sejak tahun 2008 syarikat bumiputera hanya mencatat 16 peratus sahaja daripada jumlah tawaran awam permulaan (*initial public offering* atau *IPO*) sedangkan jumlah penduduk Malaysia adalah 66 peratus (Malaysia, 2010). Kebanyakan perniagaan baharu bumiputera terlibat dalam subsektor atau aktiviti yang rendah nilai projeknya (Malaysia, 2010) dan tentunya dilihat bertentangan dengan matlamat ke arah berpendapatan tinggi. Majoriti syarikat bumiputera berskala kecil dengan 65 peratus daripadanya menjana pendapatan kurang daripada RM250,000 setahun. Sebagai contoh, 42 peratus perniagaan milik Bumiputera mempunyai kurang daripada lima pekerja, sementara 21 peratus memiliki 5 hingga 50 orang pekerja (Laporan TERAJU, 2013).

Justeru, kajian memperkasakan usahawan bumiputera Muslim perlu dipergiatkan oleh cendekiawan Islam. Walaubagaimanapun, kajian keusahawanan Islam dan kaitannya dengan kejayaan (*-al-Falah*) tidak banyak dilakukan oleh para cendekiawan Islam (Shuhairimi -et al., 2015). Melalui penulisan oleh Angela -et al. (2014) dalam '*review dan research agenda*' yang mengumpulkan kajian kesan keagamaan dan kerohanian terhadap aktiviti keusahawanan menunjukkan sebahagian besar kajian di pelopori oleh cendekiawan bukan Islam (Rujuk Angela et. al, 2014 ). Tentunya dapatan ilmu yang terhasil dari perspektif barat ini merupakan satu ancaman terutama yang melibat pegangan agama memandangkan akidah tidak boleh dikompromi. Dari aspek lain pula ia menggambarkan kekalahan moral Islam itu sendiri (Solahuddin et. al, 2015).

Bagi tokoh ekonomi Islam kontemporari iaitu Siddiqi (1979) dalam '*Economic Enterprise In Islam*' mendefinisikan usahawan sebagai:

“Seseorang yang mempunyai kemahiran dan keupayaan dalam menggabungkan pelbagai faktor pengeluaran yang diperlukan bagi menghasilkan keperluan. Usahawan juga menanggung risiko terhadap kegagalan dalam memenuhi sesuatu yang diharapkan disebabkan oleh kehendak pasaran. Mereka berusaha mencari pendapatan bagi kehidupan yang baik melalui perusahaan perniagaan dan dengan usaha ini juga mereka menyumbang kepada masyarakat”.

Berbeza pula dengan al-Qardhawi (2011) mentafsirkan usahawan sebagai: “Pekerja dan pengusaha, seseorang yang berusaha untuk memenuhi keperluan diri dan keluarganya di samping turut berperanan untuk merealisasikan kesejahteraan masyarakat dan dengan usaha ini ia dapat menafkahkan hartanya ke jalan Allah serta meninggikan agama-Nya”.

Bagi Suhaila (2005), beliau mengaitkan usahawan dengan aspek ibadat dan nilai Islam dengan mentakrifkannya sebagai individu yang memperolehi ganjaran berlipat kali ganda oleh Allah SWT kerana memenuhi keperluan masyarakat dan mengamalkan nilai-nilai serta etika yang digariskan oleh Islam (Suhaila et al., 2005). Usahawan Muslim juga menurut Sudin (1990) adalah seseorang yang berterusan mencari, menggembelng tenaga serta memanfaatkan kurniaan Allah untuk kepentingan diri sendiri dan kehendak masyarakat selari dengan tuntutan al-Quran dan as-Sunnah (Sudin, 1990).

## PERNYATAAN MASALAH

Pelanggaran nilai moral dan etika dalam perniagaan akan mempengaruhi prestasi usahawan bumiputera muslim sekaligus menjadi penyebab kegagalan perniagaan. Sikap seperti gelojoh, bermatlamat untung cepat semata – mata, tidak jujur dan amanah antara faktor pelanggaran nilai moral dan etika berlaku dalam kalangan usahawan bumiputera (Buerah & Hussin, 2011). Menjadi usahawan bumiputera muslim memerlukan satu mekanisme penyelesaian menyeluruh berpandukan ajaran Islam menyeluruh (Adnan, 1991). Mencapai taraf usahawan bumiputera muslim perlu meletakkan sifat amanah dalam memenuhi tuntutan berniaga dan berusaha mencari harta kekayaan di atas landasan yang diredhai Allah dengan mengintegrasikan sepenuhnya nilai Islam dalam amalan perniagaan (Muhammad Ali Hashim 2002). Wan Liz Ozman (2000) menekankan keperluan sifat amanah demi melahirkan usahawan bumiputera muslim yang berjaya di samping menyarankan satu sistem pendidikan dan latihan yang menitikkan pengamalan nilai Islam melalui pendidikan formal dan latihan keusahawanan. Bagi mencapai matlamat tersebut, usaha-usaha berterusan perlu dilakukan bagi mengelakkan kesan-kesan negatif daripada amalan perniagaan tidak beretika.

Faktor yang turut dianggap menjadi penyumbang kepada kemunduran usahawan muslim di Malaysia adalah tahap penghayatan agama dan nilai kerohanian yang rendah. Ada di kalangan usahawan Muslim mengabaikan aspek agama akibat terlalu ghairah mengejar kejayaan. Mereka lebih teruja mencari kesenangan dengan jalan pintas dengan meniru dan meniplak segala cara, amalan, strategi demi menghalalkan tindakan mereka seperti memberi rasuah, membeli sokongan dan kelulusan, menghiburkan pelanggan dengan wanita dan minuman keras, berhibur di pusat hiburan demi memenangi hati pelanggan. Keadaan ini menunjukkan ada sesetengah usahawan Muslim sanggup melakukan apa sahaja demi menikmati kejayaan dunia. Sebab itu usahawawan sedemikian kebiasaannya tidak mampu bertahan dalam dunia keusahawanan (Muhammad Ali, 2007).

Situasi yang ditunjukkan ini memperlihatkan bahawa usahawan yang memiliki tahap penghayatan agama yang rendah akan mempengaruhi nilai kerohanian mereka. Ini menjadikan usahawan tersebut memiliki akhlak yang tidak baik seperti tidak jujur, tidak bertanggungjawab yang seterusnya membawa kegagalan dalam perniagaan (Suhaila et al, 2014). Kegagalan dalam perniagaan ini bertitik tolak daripada keengganan orang sekeliling untuk berurusan dengan mereka kerana takut ditipu seperti tidak membayar hutang dan tidak menepati janji

(Lim Jie Wei & Novel Lyndon, 2013). Sejarah telah membuktikan kejatuhan mana – mana tamadun besar di dunia disebabkan kegagalan mempertahankan nilai agama yang membawa kepada pengikisan etika mulia (Ishak et al, 2004). Hakikatnya usahawan muslim yang membelakangi ajaran agama kerana bermatlamat keuntungan semata – mata tidak kekal lama dalam dunia perniagaan (Rosman Mahmood et al, 2011).

Terdapat di kalangan usahawan Muslim yang mengabaikan aspek agama terutamanya di kalangan mereka yang terlalu ghairah untuk berjaya. Mereka lebih senang dengan jalan pintas iaitu hanya meniru dan meniplak segala cara, amalan, strategi dan pendekatan yang dilakukan oleh usahawan yang menghalalkan segala kaedah untuk berjaya seperti memberi rasuah, membeli sokongan dan kelulusan, mengurangi sukatan dan timbangan, menghiburkan pelanggan dengan minuman keras, berhibur di pusat karaoke, disko dan kelab malam bagi merapatkan kemesraan dengan rakan kongsi dan juga pelanggan.

Ajaran Islam telah menyediakan garis panduan yang lengkap bagi menjalankan usaha perniagaan secara beretika. Garis panduan yang telah digariskan berupaya melahirkan usahawan muslim yang cemerlang selaras dengan amalan Rasulullah dan para sahabat. Justeru, pembangunan budaya niaga usahawan muslim perlu mengambil budaya niaga Rasulullah dan para sahabat bagi mewujudkan satu persekitaran yang mampu mendukung amalan nilai dan etika Islam dalam perniagaan (Buerah & Hussin, 2014). Maka dengan itu kertas kajian ini akan menerangkan konsep keusahawanan Islam menurut pandangan sarjana Muslim.

## KONSEP KEUSAHAWANAN ISLAM AL-FALAH

Dalam perspektif Islam, keseimbangan seseorang usahawan memperolehi kejayaan dunia dan pada masa yang sama memenuhi tuntutan agama dan syariat dikenali sebagai usahawan '*al-Falah*'. Justeru, konsep *al-Falah* adalah suatu pencapaian cemerlang mencakupi keseluruhan aspek kehidupan manusia meliputi kerohanian, kebendaan, moral dan ini selaras dengan firman Allah s.w.t. yang bermaksud:

“Sungguh beruntung orang-orang yang beriman, iaitu orang yang khusyu' dalam solatnya, dan orang yang menjauhkan diri dari perbuatan dan perkataan yang tidak berguna, dan orang yang menunaikan zakat, dan orang yang memelihara kemaluannya, kecuali terhadap isteri-isteri mereka atau hamba sahaya yang mereka miliki; maka sesungguhnya mereka tidak tercela” (Surah al-Mukminun: 1-6)

Berdasarkan Surah al-Mukminun ayat 1-6 sudah lengkap menjelaskan konsep usahawan *-al-Falah*. Dalam menunaikan tanggungjawab sebagai seorang usahawan, selain memperolehi keuntungan fizikal kerana Islam tidak menghalang usahawan menikmati keuntungan, usahawan *-al-Falah* pada masa yang sama juga perlu menjaga hubungannya dengan Allah melalui kepatuhan terhadap rukun Iman dan Islam, menjauhi perbuatan yang tidak berguna seperti melakukan perbuatan syirik, rasuah, maksiat serta pelbagai tindakan negatif yang lain. Pada masa yang sama hubungan sesama insan turut dijaga melalui pemberian bantuan kepada masyarakat khususnya di kalangan orang Islam yang berada dalam kesusahan, bersedekah,

berwakaf dan menunaikan zakat. Operasi keusahawanan pula sentiasa dilaksanakan dalam landasan syariat agama. Jika elemen-elemen ini diamalkan oleh usahawan Muslim maka konsep usahawan *al-Falah* telah berjaya dihayati.

Jika diselusuri perkembangan ilmu keusahawanan yang dikaitkan dengan Islam dilihat masih baharu. Rata-rata Ilmuwan Islam yang membincangkan ilmu keusahawanan Islam merujuk kepada teori dan konsep keusahawanan Barat yang telah berkembang sejak kurun ke-18. Sehingga kini pengkaji masih belum memenuhi suatu istilah khusus yang merujuk kepada perkataan usahawan atau keusahawanan di dalam bahasa Arab sama ada dalam konteks perbincangan tokoh ilmuwan Islam terdahulu mahupun sekarang (Mohd Zain, 2016). Menurut Mohd Zain lagi, jika dirujuk di dalam al-Quran tidak ditemui perkataan yang secara khusus merujuk kepada usahawan atau keusahawanan. Hanya perkataan *al-Tijarah*, iaitu perniagaan atau bermaksud urusan jual beli yang dibincangkan dalam Fiqh Mu'amalah. Kelazimannya perbincangan dalam bab ini menggunakan perkataan peniaga dan perniagaan yang boleh dimaksudkan dengan usahawan dan keusahawanan. Namun begitu, Ibn Khaldun telah membincangkan aspek keusahawanan dalam konteks perdagangan.

Menurut Shuhairimi et. al (2018), beliau merumuskan bahawa perbincangan definisi keusahawanan antara perspektif Islam dan Barat adalah dibezakan oleh elemen ketuhanan atau kerohanian yang merujuk kepada tanggungjawab dalam memenuhi tuntutan sebagai hamba dan khalifah. Para sarjana Islam jelas meletakkan definisi usahawan bukan sahaja mementingkan sudut keuntungan material tetapi meletakkan sebagai suatu bentuk ibadah dalam mencapai kesejahteraan di dunia dan di akhirat.

Keusahawanan Islam dilihat bukan merupakan satu cabang dalam pengajian keusahawanan berorientasikan perspektif Barat atau di panggil konvensional. Terjadinya persembahan penulisan yang mengasingkan keusahawanan Islam daripada yang lain khususnya aliran pendapat dan perkembangan di Barat disebabkan oleh perbezaan pendekatan dan penekanan (Adnan Alias, 2001; Ramadani et al., 2017). Asasnya, falsafah keusahawanan Islam adalah berpandu kepada Rabbani atau bercirikan ketuhanan (al-Qardhawi, 2001). Terdapat beberapa prinsip yang membezakan konsep keusahawanan Islam dengan konsep keusahawanan konvensional dan keadaan inilah adalah berasaskan kepada prinsip kesepaduan, fitrah insan, dorongan, ibadah, kedudukan perniagaan dan usahawan, sistem dan contoh perlakuan (Adnan et al., 1992).

## **PRINSIP KEUSAHAWANAN ISLAM**

### **Ibadah**

Perniagaan halal merupakan ibadah yang menjadi sebahagian daripada tuntutan fardhu kifayah seperti yang disebut dalam al-Quran: “Dan Allah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba” (al- Baqarah 2:275).

Usahawan melalui perniagaan dilihat memenuhi tuntutan fardu kifayah apabila memberi perkhidmatan kepada masyarakat Islam khususnya. Barangan yang ditawarkan oleh usahawan Muslim, terutama bahan makanan tentunya menimbulkan rasa yakin tanpa was-was disebabkan kesuciannya yang mematuhi segala yang dikehendaki ajaran Islam (Aminuddin et al., 2017). Dalam memberikan perkhidmatan kepada masyarakat, usahawan turut menjaga

kebajikan diri dan keluarga sendiri. Baginda Rasulullah SAW ketika ditanya jenis mata pencarian yang paling baik, baginda menjawab hasil dari usaha diri sendiri dan setiap perniagaan yang bersih (Ahmad Baihaqi).

### **Kedudukan Perniagaan dan Usahawan**

Islam meletakkan kedudukan usahawan di tingkat tertinggi kerana sumbangan besarnya kepada masyarakat khususnya kepada umat Islam. Kehadiran usahawan Muslim yang berada di tengah-tengah kelompok usahawan bukan Islam telah menyelamatkan umat Islam daripada terjebak menggunakan barangan yang tidak halal. Itu merupakan satu jihad yang besar dan oleh sebab itu dipandang mulia di sisi agama (Ali Hashim, 2003; Noorfazreen et. al, 2018). Adnan et. al (1992) dalam bab Model Perlakuan Usahawan Mukmin telah membuat satu model bagi menunjukkan keistimewaan kedudukan perniagaan dan usahawan dalam Islam. Di dalam model tersebut, perkara pertama dimulakan dengan Islam menganjurkan perniagaan maka usahawan perlu berusaha melakukannya manakala Allah menyediakan kemudahan seperti laut (sebagai jalan perhubungan), kapal (sebagai alat pengangkutan), angin (sebagai kuasa mengarah hala dan tujuan), keamanan (sebagai persekitaran yang menggalakkan perdagangan, musim dan perlindungan). Islam seterusnya menggariskan peraturan bagi memastikan perniagaan berjalan dengan betul dan menguntungkan semua pihak terlibat dan menjanjikan ganjaran bagi mereka yang mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh ajaran Islam. Apabila model ini dipatuhi prinsipnya pasti menjadikan kedudukan perniagaan dan usahawan berada di tahap mulia di sisi Allah SWT.

Malah, ketinggian darjat usahawan Muslim digambarkan oleh hadith Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Ibn Majah dan Al-Hakim: “Pedagang yang beramanah dan dapat dipercayai akan bersama orang-orang yang mati syahid nanti di hari qiamat”.

### **Fitrah Insan**

Melalui fitrah kejadian manusia, insan itu mestilah terlebih dahulu memiliki sifat *Muslim* sebelum terlibat sebagai usahawan. Insan Muslim pasti akan mengabdikan diri kepada Allah yang bertanggungjawab menjalankan tugas *ibadah* dan *khalifah* yang sentiasa mengagungkan Allah dan mengutamakan hak dan hukum Allah dalam segala aspek kehidupan, mencari kerediaan dan rahmat Allah lebih dari segalanya. Usahawan yang berciri insan Muslim tidak meletakkan keuntungan dan kekayaan sebagai keutamaan semata-mata tetapi melaksanakan aktiviti keusahawanan sebagai memenuhi tuntutan *fardhu kifayah* (Solahuddin et al., 2017). Keuntungan adalah musabab yang terjadi dengan kehendak Allah. Amanah yang diberi bertujuan untuk memakmurkan bumi Allah ini asalkan setiap aktiviti keusahawanan yang dilakukan adalah halal berlandaskan *ubudiah* dan tauhid. Keusahawanan Islam lebih menganjurkan konsep *Islamic Man* berbanding konsep Barat yang menekankan *Economic Man* (Adnan et al., 1992).

## Dorongan

Secara umumnya perjalanan usahawan adalah menuju kejayaan namun bagi perspektif Islam, perkara yang mendorong usahawan Muslim terlibat dalam keusahawanan telah ditetapkan kriterianya iaitu mencapai kejayaan yang seimbang duniawi dan ukhrawi. Dalam Islam kejayaan disebut *falaha*, *aflaha* dan juga perkataan daripada kata kerja *faza fawzan* (Hamka, 1992). Untuk mencapai *falaha*, perlu memenuhi syarat sebagaimana yang disebut seperti saranan al-Qurtubi, iaitu rezeki yang halal, *qanaah* (redha setakat yang diperolehi), taufik iaitu ketentuan dari Allah sesuai dengan apa yang diharap, *sa'adah* (bahagia) dan *jannah* (Adnan, 1997). *Muflih* juga ditafsir sebagai kejayaan iaitu mencapai sesuatu yang diinginkan dalam bentuk kebahagiaan dunia dan akhirat, kemakmuran, bebas dari kebimbangan, kesusahan, atau fikiran terganggu (tafsir ayat 104: Ali 'Imran).

## Sistem

Keusahawanan Islam berasas daripada sistem ekonomi Islam. Sistem yang berteraskan ekonomi Islam menekankan prinsip keadilan dan kesejahteraan (Solahuddin et. al, 2018). Namun hakikatnya perniagaan dunia hari ini dikuasai oleh sistem ekonomi kapitalis. Dalam situasi hari ini, sistem ekonomi Islam dilihat terpinggir berbanding sistem ekonomi konvensional namun ianya dilihat berpotensi untuk ditembusi. Atas sebab itu, usahawan Muslim perlu menceburi bidang keusahawanan yang dilihat sebagai tuntutan agama bagi memberi ruang untuk sistem ekonomi Islam mendominasi ekonomi dunia kerana terbukti untuk menguasai dunia perlu ditakluki dahulu ekonominya (Joni, 2008). Adnan (2001) mengkategorikan sistem kewangan kepada empat kategori sistem perbankan yang diamalkan oleh negara-negara Islam iaitu perbankan Islam sahaja, dua sistem selari, sistem *conventional plus* (sistem tempelan) dan *sistem konvensional* sahaja. Dalam hal ini hanya Malaysia satu-satunya negara yang mengamalkan dua sistem selari.

## Kesepaduan

Konsep kesepaduan dalam Islam meletakkan apa sahaja yang dikaji perlu meletakkan kerangka agama kerana agama adalah satu cara hidup. Memisahkan sesuatu pengkajian ilmiah dengan kerangka Islam walaupun rasional dan logik akan menyebabkan berlaku penyimpangan dalam merangka dasar dan prinsip. Sesetengah masyarakat akan meletakkan persepsi Islam itu tidak sesuai lagi dengan tuntutan realiti semasa. Maka timbullah dakwaan Islam menentang kemajuan dan orang Islam tidak akan berkembang sifat keusahawanannya. Malah ada yang mendakwa Islam tidak menggalakkan aktiviti keusahawanan (Mebroui & Mosbah, 2020). Sebenarnya Islam bukanlah penyebab ketidaksesuaian realiti semasa tetapi realiti amalan semasa yang tidak sesuai dengan Islam. Justeru, yang perlu diubah bukanlah kerangka Islam tetapi realiti semasa itu yang perlu diubah (Adnan, 1993).

Sebagai contoh, ada yang mendakwa susah untuk berjaya dan kaya jika tiada rasuah memandangkan jalan belakang mudah mendapat tempat atau susah untuk untung jika tidak menipu. Malah sikap keji ini seolah-olah menjadi budaya niaga menikmati keuntungan. Hakikatnya budaya niaga keji ini seolah-olah memperlihatkan matlamat tidak menghalalkan

cara. Malah budaya niaga Islam yang berasaskan nilai murni dan etika yang dianjurkan Islam berjaya membuktikan keuntungan berupaya dinikmati. Ini jelas berdasarkan contoh yang ditunjukkan oleh Rasulullah sendiri di mana baginda telah membuka sebuah pasar *Sawqul Madinah* (pasar Madinah) sebagai tempat berhimpunnya pedagang Muslim dengan budaya niaga Islam tinggi yang menjadikan kejujuran sebagai teras berbanding pasar Yahudi bernama *Qainuqa* yang turut bersaing sekali dengan peniaga Islam. Akhirnya pasar Yahudi yang diwarnai riba dan penipuan di tumpaskan oleh pasar yang dikuasai peniaga Muslim yang berdisiplin dan jujur (Hamat, 1992).

## **KONSEP UTAMA DALAM KEUSAHAWANAN ISLAM**

### **BERTERASKAN USAHAWAN AL FALAH**

#### **Konsep Penghayatan Agama Dalam Keusahawanan Islam**

Sebenarnya, penghayatan agama dalam organisasi dan kajian pengurusan tidak banyak dikaji (Carneiro-da-Cunha et al., 2015). Dodd dan Seaman (1998) berpendapat bahawa agama mempengaruhi aktiviti keusahawanan, mempengaruhi keputusan mereka untuk menjadi usahawan, gaya pengurusan mereka dan ruang lingkup rangkaian hubungan mereka. Selanjutnya, interaksi nilai agama dengan budaya perusahaan dan bagaimana agama mempengaruhi pengambilan keputusan keusahawanan khususnya di kalangan agama Timur seperti Islam (Carswell dan Rolland, 2004; Audretsch et al., 2013). Oleh itu, Islam dan pengaruhnya terhadap keusahawanan melalui apa yang dikenali sebagai keusahawanan Islam (*Islamic Entrepreneurship*) nampaknya menjadi bidang penyelidikan perniagaan yang penting yang patut dikaji (Ratten et al., 2017).

Mengaitkan usahawan *-al-Falah* dengan penghayatan agama melibatkan 3 cabang utama iaitu 'akidah' sebagai teras pegangan hidup, 'syariah' penyusunan amalan hidup yang membentuk tingkah laku dan 'akhlak' sebagai etika hidup manifestasi daripada akidah yang jelas dan syariah yang mantap. Ketiga-tiga cabang ini perlu bergerak seiring dan bersepadu tanpa sebarang pemisahan bagi melahirkan usahawan Muslim yang terbaik berasaskan kehendak Islam iaitu *-al-Falah* (S. Hamid & C. Zarrina, 2016). Penghayatan agama juga dilihat sebagai patuh kepada agama (*tadayyun*, bertakwa dan warak), menjiwai prinsip ajaran Islam, taat beramal dengan segala perintah syarak kerana Allah SWT dari aspek suruhan atau larangan malah memberi komitmen yang tinggi dalam melaksanakan Islam mengikut kemampuan (Zainab et. al, 2010). Seseorang dianggap beragama jika tutur kata dan tingkah lakunya dikawal oleh penghayatannya terhadap agama (al-Baalhaki, 1982; Lane, 1863). Penghayatan agama merupakan sesuatu yang boleh dirasai dan sebagai satu keperluan seruan batin semula jadi untuk mengakui bahawa mereka dan alam sekeliling memiliki Tuhan yang maha agung (al-Qardadawi, 1988).

#### **Konsep Keberkatan dalam Keusahawanan Islam**

Keberkatan berkait rapat dengan kerohanian. Perkataan berkat berasal dari *barakah* (Ahned et al., 2003 Dalam Zain, 2016) dan daripada konsep *barakah* bermaksud *blessing*, *benediction*,



*prosperity* yang berkait dengan nasib baik, kemakmuran, kebaikan berterusan dan kebahagiaan (Munir, 1999 dalam Mohd Zain, 2016). Dalam konteks Islam, berkat dikaitkan dengan restu Allah SWT agar dikurniakan kebaikan yang bertambah dan berterusan dan hakikatnya keberkatan adalah milik kekuasaan dan keizinan daripada Allah SWT (Zain, 2016) sebagaimana firman Allah SWT dalam surah Maryam ayat 31 bermaksud: “Dan Ia menjadikan aku seorang yang berkat di mana sahaja aku berada, dan diperintahkan aku mengerjakan sembahyang dan memberi zakat selagi aku hidup”.

Ulama fiqh berpendapat bahawa ayat tersebut merujuk kepada keberkatan yang diperolehi dengan melaksanakan perintah Allah SWT dan menjauhi larangan-Nya dalam apa jua keadaan (Ibnu Kathir, 2006 dalam Zain, 2016). Justeru, konsep keberkatan berkait secara langsung dengan perlakuan seseorang Muslim di mana lebih baik tingkah laku lebih banyak keberkatan dan begitu juga sebaliknya. Tindakan yang baik akan menjanjikan ganjaran dan jaminan kejayaan pada akhirnya walau apa pun hasil yang diperolehi (Mushtaq, 1999).

Keberatan dalam konteks keusahawanan akan menghasilkan kejayaan kepada seseorang pengusaha dalam pelbagai bentuk seperti perniagaan yang berkembang maju, rezeki perniagaan yang tidak putus malah semakin bertambah, perniagaan yang bertahan lama serta memberi sumbangan besar kepada ummah, masyarakat serta negara. Ganjaran ini jelas dinyatakan di dalam Al-Quran di mana Allah SWT menjanjikan keberkatan daripada langit kepada mana-mana komuniti yang patuh kepada syariat-Nya (Jalil, 2016; Mohamad & Fadillah Mansor, 2019; Nadzri & Yaacob, 2019). Ada pelbagai cara dan amalan yang boleh mengundang kepada keberkatan rezeki dalam keusahawanan. Menurut KH. Mukhliz (2014), antara amalan yang boleh mengundang keberkatan adalah memperbanyakkan istighfar, ibadah sunnah, sedekah, berbakti kepada kedua ibu bapa, sabar, syukur dan ikhlas, zikir dan membaca al-Quran, membudayakan silaturahmi serta menyantuni anak-anak yatim. Malah kajian yang dibuat oleh Suhaila et al (2019) mendapati usahawan Muslim yang berjaya terdiri daripada memiliki akhlak yang baik, tidak bakhil, menjauhi riba, arak, judi dan amalan-amalan syirik, tidak melakukan kezaliman, jihad melalui harta benda dan jiwa, sentiasa bertaubat, menjaga solat dan rajin membaca al-Quran. Sikap itu dilihat mengembangkan harta mereka.

### **Konsep Usahawan Muslim Berjaya (*al-Falah*) Dalam Keusahawanan Islam**

Menurut Muhamad Akram (2003), Usahawan Muslim Berjaya (*al-Falah*) secara literalnya difahami sebagai kejayaan yang merangkumi kehidupan di dunia dan akhirat selaras dengan pandangan hidup Islam yang syumul. Usahawan Muslim yang memiliki kejayaan (*al-Falah*) dilihat mempraktikkan tuntutan rukun Islam dan Iman secara bersepadu. Hanya golongan manusia yang dikategorikan sebagai Muslim, Mukmin dan *Muttaqin* sahaja yang dilihat layak mendapat kejayaan sebagaimana yang dijelaskan oleh Islam (Shuhairimi et al., 2018).

Selain itu, pada asasnya untuk seseorang usahawan Muslim mencapai kejayaan (*al-Falah*), Empat (4) prinsip yang berteraskan ‘maqasid al-syariah’ perlu dimiliki. Prinsip-prinsip tersebut adalah *rabbaniah* (ketuhanan), akhlak, *insaniah* (kemanusiaan) dan keseimbangan (*wasatiah*). Inilah yang membezakan perniagaan cara Islam dengan bukan Islam (Shuhairimi, 2014). Menurut al-Qurtubi (1967), terdapat lima (5) prinsip untuk mencapai kejayaan (*al-Falah*) dalam keusahawanan iaitu rezeki yang halal, *qana'ah* (bersyukur atau reda dengan apa yang diperolehi), taufik (petunjuk), *sa'adah* (kebahagiaan) dan jannah (syurga). Kelima-lima

prinsip ini membezakan aspek kejayaan dalam konteks Islam dengan yang lain kerana menekankan kejayaan dan kesejahteraan di akhirat sebagai matlamat utama.

Dalam buku *Tipologi Keperibadian Nilai-Nilai Murni Usahawan Berjaya* oleh Shuhairimi Abdullah (2014), kejayaan dan kesejahteraan disimpulkan sebagai *al-Falah* adalah berasaskan kepada metodologi yang digariskan syarak iaitu suatu kepercayaan terhadap orde tauhid iaitu beriman kepada ajaran Islam berasas al-Quran dan al-Sunnah dan sentiasa berpegang kepada satu cara hidup Islam yang menyeluruh. Dari sudut perspektif keusahawanan pula, terminologi konsep *-al-Falah* berasas kepada interaksi pengusaha secara positif dengan Pencipta, sesama manusia dan alam berasaskan kepada prinsip muamalah Islam dengan bermatlamatkan kepada kesejahteraan dan keselamatan dunia dan akhirat (Shuhairimi, 2014). Konsep *-al-Falah* ini juga dirakam dalam al-Quran antaranya seperti firman Allah SWT: “Sesungguhnya berjayalah orang yang beriman. Iaitu mereka yang khusyuk dalam sembahyangnya. Dan mereka yang menjauhkan diri dari perbuatan dan perkataan yang sia-sia. Dan mereka yang berusaha membersihkan hartanya dengan menunaikan zakat harta itu. Dan mereka yang menjaga kehormatannya. Kecuali kepada isterinya atau hamba sahayanya, maka sesungguhnya mereka tidak tercela. Kemudian, sesiapa yang mengingini selain dari yang demikian, maka merekalah orang yang melampaui batas. Dan mereka yang menjaga amanah dan janjinya. Dan mereka yang tetap memelihara sembahyangnya. Mereka itulah orang yang berhak mewarisi Syurga Firdaus; mereka kekal di dalamnya (al-Mukminun: 1-11).

Berdasarkan ayat-ayat tersebut, dapatlah dirumuskan bahawa untuk seseorang usahawan Muslim mencapai kejayaan seperti yang digariskan syarak mestilah menunaikan solat, menginfakkan hartanya kepada golongan miskin, beriman dengan hari akhirat, takut kepada azab Allah SWT, memelihara kemaluan, menjaga amanah dan janji, memberikan kesaksian dan memelihara solatnya (Adnan Alias, 2002). Ini selaras dalam sebuah hadith yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah R.A. maksudnya: “Rasulullah SAW bersabda: yang disebut kaya, bukanlah kaya harta benda duniawi, tetapi yang dikatakan kaya ialah kaya jiwa”. (HR Muslim)

Begitu juga dalam sebuah hadis daripada Anas bin Malik RA, Rasulullah SAW bersabda maksudnya: “Sesungguhnya apabila orang-orang kafir mengerjakan kebajikan di dunia, dia diberi upah dengan amalannya itu berupa rezeki di dunia. Bagi orang-orang mukmin maka pahala kebajikannya disimpan oleh Allah SWT untuknya di akhirat serta dianugerahkan rezeki di dunia yang berkaitan dengan ketaatannya” (HR Muslim).

## KESIMPULAN

Justeru, perlu di fahami bahawa konsep usahawan Muslim *-al-Falah* perlu memiliki kejayaan yang seimbang duniawi dan ukhrawi. Kejayaan duniawi merujuk kepada kejayaan fizikal meliputi keuntungan, kukuh syarikat dan kemampuan bersaing di peringkat global manakala kejayaan ukhrawi merujuk kepada kejayaan seseorang usahawan melaksanakan tugasnya sebagai khalifah dengan sentiasa mematuhi syariat Islam dalam aktiviti keusahawanan yang diceburi, melakukan kebaikan kepada manusia dan alam bagi mencari keredaan Ilahi serta menjaga akhlak yang baik iaitu sentiasa menjauhi daripada sebarang bentuk penyelewengan dan unsur-unsur yang boleh mencemarkan keharmonian sistem keusahawanan Islam. Sementara itu, harta yang diperolehi melalui aktiviti perekonomian bukan bersifat pemilikan

mutlak, sebaliknya manusia hanyalah sebagai pemegang amanah yang menguruskan sumber tersebut. Usahawan Muslim berjaya juga perlu mengambil kira faktor pembangunan insan dalam lapangan kerja yang diusahakannya. Contohnya, melazimkan sembahyang berjemaah dalam kalangan pekerjaannya, membudayakan penghayatan ilmu dalam kalangan stafnya, bersifat terbuka dan bertoleransi terhadap kritikan yang membina, menunaikan tanggungjawab sosial kepada masyarakat luar dan menekankan nilai-nilai murni dalam organisasinya. Usahawan yang mempraktikkan nilai-nilai tersebut akan mendapat ganjaran yang besar di akhirat kelak.

## RUJUKAN

- Abdul Hamid, S., Ishak, M. S., Hashim, H. (2017). Penghayatan Agama (Religiositi) dalam Pembangunan Keusahawanan. *Jurnal Pembangunan Sosial* 20: 51-62.
- Audretsch, D. B., Boente, W., & Tamvada, J. P. (2013). Religion, social class, and entrepreneurial choice. *Journal of Business Venturing*, 28(6), 774-789.
- Aminuddin, Z. S., Ahmad Bustamam, U. S., & Mahyuddin, Muhamad Khairi, Sathiman, S. (2017). Exploring the Concept of al-Falah (Success) in Business. *BEST International Journal of Management, Information Technology and Engineering* 4(8): 23-36
- Alias, A., Mohamed, H., Ibrahim D.M. (1992). *Konsep Keusahawanan Islam*. Arina Publication House. Selangor Darul Ehsan
- Almansor Abu (2010), Cabaran dan Halangan Membangunkan Usahawan Bumiputera Berjaya. Access Online. <http://about-research.blogspot.com/>
- Alias, A. (2001). "Usahawan dan Keusahawanan" dalam MEDEC. *Keusahawanan*. Cetakan keempat. Universiti Teknologi MARA, Selangor
- Beekun, Rafik Issa. (1997). *Islamic Business Ethics*. Herndon V.A: International Institute of Islamic Thought.
- Carneiro-da-Cunha, J. A., Santos, M. G. D., Souza, L. J. D., Alssabak, N. A. M., & Macau, F. R. (2015). The history of an Islamic entrepreneurship: Achieving exporting-network leadership through religious legitimacy. *International Journal of Business and Globalisation*, 15(3), 272-293.
- Carswell, P., & Rolland, D. (2004). The role of religion in entrepreneurship participation and perception. *International Journal of Entrepreneurship and Small Business*, 1(3-4), 280-286.
- Dodd, S.D. & Seaman, P.T. (1998). Religion and enterprise: an introductory exploration", *Entrepreneurship Theory and Practice*, Fall, pp.71-86
- Ghazali Hamat. (1992). "Keusahawanan Islam" dalam MEDEC, Asas Keusahawanan. Shah Alam: Biroteks.
- Haron, S. (1990). *Ke Arah Menjadi Usahawan Yang Berjaya*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Hashim, A. (2003). *Bisnes Satu Cabang Jihad*. Utusan Publication & Distributors.
- Hamid, S. A., & Zarrina, C. (2016). Keutamaan Akhlak Dalam Pembangunan Keusahawanan Islam. *Jurnal Syariah*, 24(2): 271-286.
- Ismail, Wan Ibrahim Wan Ahmad, Nor Salimah Abu Mansor. (2010). Dimensi Penghayatan Agama Mengikuti Pendapat Tokoh Agama Semasa. *Jurnal Pembangunan Sosial* 13: 37-56.
- Jalil, A. (2016). *Keberkatan Dalam Pembelajaran (Barakah in Learning)*. Peneraju Profesional CFA Group 5 Induction Programme. Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera.
- Joni, T. B. (2008). Pemikiran Pembangunan Ekonomi Berteraskan Islam. *Jurnal Usuluddin*: 93-107.

- Kementerian Kewangan Malaysia. (2019). *Belanjawan 2020: Tinjauan Ekonomi 2020*. <https://www.Parlimen.Gov.My/Ipms/Eps/2019-10-11/CMD%2026.2019%20BM..Pdf>.
- Kerajaan Malaysia. 2010. *Rancangan Malaysia Kesepuluh 2011-2015*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia,.
- M. Balog, A., T. Baker, L., & G. Walker, A., G. Walker. (2014). Religiosity and spirituality in entrepreneurship: a review and research agenda. *Journal of Management, Spirituality & Religion*.11(2): 159-186.
- Madeline Berma. (2015). Ulasan Buku “The Colour of Inequality: Ethnicity, Class, Income and Wealth in Malaysia oleh Muhammed Abdul Khalid” (MPH Group Publishing/ 31 Ogos 2014/ ISBN: 9674152148). *Jurnal Ekonomi Malaysia* 49(2) 149-150.
- Muhammad Akram Khan. (2003). *Islamic Economics and Finance: A Glossary*. New York: Routledge.
- Mebroui, T., & Mosbah, A. (2020). *Islamic Entrepreneurship : Issues and Debates*. 7(2), 461–468.
- Mohamad, M. H., & Fadillah Mansor. (2019). Hubungkait patuh-syariah dengan konsep keberkatan: tinjauan dalam konteks standard halal ms 1900. *Journal of Fatwa Management and Research*, 179–197.
- Nadzri, S., & Yaacob, S. E. (2019). Hubungan antara ciri-ciri akhlak usahawan Muslim berjaya dengan cara berkembangnya harta menurut perspektif al-Qur’an. April, 978–967. <http://conference.kuis.edu.my/pasak4/images/Fullpaper/133->
- Noorfazreen Mohd Aris, Sharipah Amirah Abas, Sarah Dina Mohd Adnan, M. F. M. N. & H. J. (2018). Modul Usahawan Tani Islam. *E-Journal of Islamic Thought and Understanding*, 1(1), 16–32.
- Ramadani, V., Ratten, V., & Rashiti, S. G. (2017). *Entrepreneurship and Management in an Islamic Context*. Springer International Publishing Switzerland.
- Sarif, S. (2005). Pembangunan Usahawan Muslim Berasaskan Prinsip Islam Hadhari. (Kertas Kerja Seminar Keusahawanan Islam Peringkat Kebangsaan 2005 di Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. 6 September 2005.
- Sukemi, Muhammad Najit & Berma, M. & Baharuddin, S.A. & Shahdan, F.. (2018). Pengaruh Tindakan Afirmatif kepada Agihan Kekayaan antara Etnik di Malaysia. *Jurnal Ekonomi Malaysia*. 52. 297-308. <http://dx.doi.org/10.17576/JEM-2018-5201-22>.
- Shuhairimi Abdullah, Muhammad Shukri Bakar & Solahuddin Abdul Hamid. (2018). *Transformasi Usahawan al-Falah Satu Refleksi*. Penerbit Universiti Malaysia Perlis.
- Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU, 2015). *Pemeriksaan Ekonomi Bumiputera. Laporan Pencapaian 2015*. [http://teraju.gov.my/reports/pemeriksaan\\_ekonomi\\_2015.pdf](http://teraju.gov.my/reports/pemeriksaan_ekonomi_2015.pdf).
- Zainab Ismail, Wan Ibrahim Wan Ahmad, Nor Salimah Abu Mansor.(2010). Dimensi Penghayatan Agama Mengikut Pendapat Tokoh Agama Semasa. *Jurnal Pembangunan Sosial* 13: 37–56.
- Zain, M. (2016). *Keusahawanan Islam: Rasulullah SAW dan Sahabat Sebagai Ikon Usahawan Berjaya*. Bachok: Penerbit UMK.